

SYARAT PERMOHONAN KE UNIVERSITI DI MESIR

1. Pemohon yang ingin mengikuti pengajian di universiti di Mesir peringkat ijazah pertama hendaklah memenuhi syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 1.1 **Pergigian & Farmasi**

Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan memperoleh **purata peratusan markah sekurang-kurangnya 79%** dalam lapan (8) subjek iaitu **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi** di peringkat SPM.

dan

Memperoleh sekurang-kurangnya kepujian dengan **gred B** dalam **Biologi, Kimia, Fizik, Matematik dan Matematik Tambahan** di peringkat SPM.

Nota: Bagi permohonan ke Universiti Al Azhar dalam bidang Sains Kesihatan SPM **tidak melebihi tempoh dua (2) tahun** dari tarikh sijil dikeluarkan dan pelajar perlu **mempunyai Bahasa Arab di peringkat SPM**. Manakala pemegang SPM selain tahun 2019 yang memohon selain Universiti alAzhar, bayaran penalti (*Qidam Muahhil*) dikenakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Mesir dengan kadar EGP750.00 bagi setiap tahun yang lewat. Pembayaran perlu dibuat oleh pelajar melalui pejabat Education Malaysia di Mesir.

1.2 Pengiraan Purata Peratusan

Bil.	Gred SPM	Markah
1	A+	100
2	A	95
3	A-	90
4	B+	85
5	B	80
6	C+ / C	75
7	D	0
8	E	0
9	F	0

Kaedah Pengiraan Peratus:

Jumlah Markah Iapan Subjek berkaitan

8

Contoh: pelajar mendapat 7A+ dan 1B

$$= 7(100) + 1(80)$$

$$= \underline{700 + 80}$$

8

$$= 97.5\%$$

2. **Syarat kelayakan masuk ke Universiti Al-Azhar ijazah Pertama** telah ditetapkan seperti berikut:

2.1 Pengajian Islam

Lulus **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** dengan memperoleh sekurang-kurangnya pangkat **JAYYID** dengan syarat umur pelajar tidak melebihi 30 tahun semasa permohonan.

dan

Menduduki Imtihan Qabul (IQ).

2.2 Pengajian Qiraat

Mempunyai **Diploma Qiraat** yang diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar dengan syarat umur pelajar tidak melebihi 30 tahun semasa permohonan.

dan lulus:

- i. **Tapisan Keselamatan (*Muafaqah Amniyah*);**
- ii. **Ikhtibar Lughawi.**

2.3 Senarai Institusi yang diiktiraf oleh Universiti al-Azhar dalam bidang Qiraat

Bil	Nama Institusi / Maahad	kesetaraan
1	Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif
2	Maahad Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Pulai Chondong , Kelantan.	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif
3	Kolej Hafiz Klang , Selangor Darul Ehsan.	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif
4	Kolej Islam antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)	Peringkat pembelajaran Ilmu Tajwid dan A'liyah (Diploma) setaraf dengan Peringkat di Maahad Al-Qiraat Al-Azhar As-Syarif

2.4 **Ulum Islamiah**

Lulus semua subjek dalam **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dan mendapat **sekurang-kurangnya Gred B** dalam subjek **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik, Syariah Islamiah dan Pendidikan al-Quran Sunah**, dengan syarat umur pelajar tidak melebihi 30 tahun semasa permohonan. Selain itu, keputusan SPM juga haruslah tidak memiliki mana-mana subjek **GAGAL** atau **TIDAK HADIR**.

dan

Menduduki Imtihan Qabul (IQ).

BIDANG PENGAJIAN YANG DITAWARKAN DI MESIR BAGI SESI 2021/2022

UNIVERSITI	BIDANG	LAMAN WEB
Al-Azhar University	<p><u>Lepasan SPM</u></p> <p>1. Pergigian 2. Ulum Islamiah</p> <p><u>Lepasan STAM</u></p> <p>Mahasiswa (Fakulti)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Syariah dan Undang-undang • Usuluddin • Bahasa Arab • Pengajian Islam dan Bahasa Arab • Dakwah <p>Mahasiswi (Fakulti)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengajian Islam dan Bahasa Arab • Jabatan Syariah Islamiah • Jabatan Usuluddin • Jabatan Bahasa Arab <p><u>Lepasan Diploma Qiraat</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • <u>Qiraat (di Maahad Qiraat Shoubra)</u> 	http://www.azhar.edu.eg
Alexandria University	<p><u>Lepasan SPM</u></p> <p>1. Pergigian 2. Farmasi</p>	http://www.alexu.edu.eg
Kaherah University	<p><u>Lepasan SPM</u></p> <p>1. Pergigian 2. Farmasi</p>	http://www.cu.edu.eg
Ain-Shams University	<p><u>Lepasan SPM</u></p> <p>1. Pergigian</p>	http://www.asu.edu.eg
Tanta University	<p><u>Lepasan SPM</u></p> <p>1. Pergigian</p>	http://www.tanta.edu.eg

Zagazig University	<u>Lepasan SPM</u> 1. Farmasi	http://www.zu.edu.eg

*** Penawaran kursus adalah tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi Mesir dan keputusan adalah muktamad. Sebarang pertukaran kursus pengajian dan universiti adalah di bawah tanggungjawab pelajar.**

i) Pergigian

Universiti	Tahun 1 – 5 (Yuran setahun)
	USD
Al-Azhar	8,000.00
Kaherah	8,000.00
Ain-Shams	8,000.00
Alexandria	8,000.00
Tanta	8,000.00

ii) Farmasi

Universiti	Tahun 1 – 4 (Yuran setahun)
	USD
Al-Azhar	8,000.00
Alexandria	8,000.00
Kaherah	8,000.00
Zagazig	8,000.00

iv) Ulum Islamiah

Yuran pengajian sebanyak USD 1,000.00 setahun

v) Program Bahasa

Yuran pengajian di Pusat Bahasa sebanyak EGP 660.00 satu tahap. Ia bergantung kepada tahap penguasaan pelajar dalam Bahasa Arab yang dikenal pasti melalui Imtihan Qabul. Terdapat tujuh (7) tahap pembelajaran kesemuanya.